



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR 2.0: BAJET PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN

Siri Jelajah FTRoadPedia Zon Timur 2.0 tahun 2019 berlangsung selama tiga hari bermula pada 14hb hingga 16hb Februari 2019. Rombongan siri jelajah ini menjelajah jalan persekutuan di tiga buah negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu bermula dari Kompleks Kementerian Kerja Raya.

Pasukan jelajah seramai seratus orang delegasi ini diketuai oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya dan disertai pengurusan tertinggi Kementerian, Rakan KKR dan pihak media.

Matlamat dan objektif FTRoadPedia adalah memberi nafas baharu dan persektif positif jalan persekutuan selain menonjolkan jalan persekutuan sebagai jalan utama dan menikmati sosio budaya setempat bertemakan **“Cipta Detik Indah Bersama”**.

Program Jelajah FTRoadperdia Zon Timur 2.0 merupakan jelajah FTRoadpedia yang ke enam anjuran Kementerian Kerja Raya Malaysia. Siri jelajah FTRoadpedia yang telah dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya Malaysia ialah:

- FTRoadpedia Zon Tengah di Manjung, Perak.
- FTRoadpedia Zon Timur yang melibatkan perjalanan dari KL - Selangor – Pahang – Terengganu)
- FTRoadpedia Zon Selatan bermula di KL - Selangor – Negeri Sembilan - Melaka – Johor)
- FTRoadpedia Zon Utara bermula dari KL - Selangor – Perak – Pulau Pinang – Kedah – Perlis)
- FTRoadpedia Pan Borneo Sarawak yang bermula dari Telok Melano - Kuching - Sibu – Bintulu – Miri)

Salah satu objektif jelajah ini ialah konsep turun padang pengurusan tertinggi meninjau kualiti penyenggaraan jalan persekutuan. Peruntukan penyelenggaraan jalan Persekutuan bagi seluruh Negara yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia semakin menurun sejak tahun 2015 berbanding keperluan sebenar Kementerian ini, walaupun panjang jalan yang disenggara adalah semakin meningkat dari tahun ke tahun. Kementerian ini hanya menerima peruntukan sekitar RM600 juta – RM800 juta setahun berbanding keperluan peruntukan sekurang-kurangnya RM2 bilion setahun.

Belanjawan 2019 memperlihatkan agihan peruntukan bagi penyelenggaraan jalan Persekutuan berkurang kepada RM100 juta pada tahun 2019. Peruntukan yang diluluskan ini hanya mencukupi bagi menampung sebahagian daripada komitmen kontrak bagi skop penyelenggaraan rutin sahaja.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

Bagi menampung ketidakcukupan peruntukan yang diluluskan, Kementerian Kewangan (MoF) telah memberi jaminan akan menyediakan peruntukan tambahan di bawah MoF iaitu sebanyak RM610 juta. Ketidakcukupan peruntukan ini membawa kepada isu *backlog maintenance*.

Secara umumnya isu *backlog maintenance* ini boleh mengakibatkan tahap prestasi jalan raya akan semakin merosot sehingga boleh menyebabkan kegagalan struktur jalan raya dan ini boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya dan kos penyelenggaraan jalan raya akan menjadi tidak lestari atau terlalu mahal pada masa hadapan.

Walau apa jua cabaran yang hadir, KKR dan JKR selaku peneraju infrastruktur negara perlu terus mara dan berusaha dengan gigih dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kerana kita merupakan tunggak utama negara dalam menerajui sektor pembangunan infrastruktur melalui kepakaran teknikal industri pembinaan.

Slogan 'Ke Arah Kesejahteraan Rakyat' KKR dan 'Jasa Kepada Rakyat' JKR, adalah sejajar dengan fungsi dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh kementerian ini. JKR khususnya adalah agensi pelaksana projek pembangunan Kerajaan yang terbesar di negara ini dan telah wujud sejak tahun 1872, satu tempoh masa yang panjang, melangkaui satu abad lamanya. Saya ingin menyeru agar kita semua tidak leka kerana perjalanan masih jauh ditambah pula dengan ekspektasi pelanggan kini semakin tinggi. Kita wajib memberikan perkhidmatan yang terbaik.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**14 FEBRUARI 2019**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my